

19 JUL 1999

MOTOSIKAL JAGUH DILELONG PADA HARGA RM55,000

GURUN, 19 Julai (Bernama) -- Sebuah motosikal Modenas BN175, dikenali sebagai Jaguh, yang dilancarkan hari ini dan mempunyai harga di atas jalan RM7,500, dilelong dengan harga RM55,000.

Lye Huang Motor Sdn Bhd membeli motosikal itu.

Hasil lelongan itu didermakan kepada Tabung Barisan Bertindak Kosovo.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima cek daripada pemilik syarikat itu, Lye Huang, selepas melancarkan motosikal nasional model terbaru itu di Kilang Modenas, di sini.

Dr Mahathir kemudian menyerahkan replika kunci motosikal itu kepada Lye.

-- BERNAMA

JM NMO